

30 NOV 1999

P/Raya-Mokhtar (Analisis Berita)

WAN MOKHTAR PUNCA KEJATUHAN BN DI TERENGGANU?

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Seorang daripada Menteri Besar yang disebut-sebut digugurkan dari senarai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya umum yang baru selesai, ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Jika bukan sebab lain, beliau telah menerajui kerajaan negeri yang kaya dengan minyak itu selama 25 tahun, tempoh masa yang lebih lama daripada mana-mana pemimpin yang pernah menyandang jawatan itu dalam sejarah negara.

Cakap-cakap mengenai BN akan menukar beberapa ketua eksekutif negeri bertambah hangat berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa BN akan memperkenalkan kira-kira 30 peratus muka baru dalam senarainya bagi menghadapi pilihan raya.

Tetapi apa yang mengejutkan dan mengecewakan banyak pihak, terutama di kalangan ahli politik Umno di Terengganu dan mereka yang bercita-cita menjadi Menteri Besar, ialah pengekalannya Wan Mokhtar dalam senarai itu.

Seorang ahli politik veteran Umno Terengganu memberitahu Bernama bahawa sebelum senarai calon diumumkan, politik Umno di negeri itu telah mencapai tahap apa yang disebutnya sebagai "buntu".

Ahli politik itu, yang tidak mahu namanya disebut, berkata anggota-anggota Umno di Terengganu itu merasa seperti "tidak dapat bergerak" berikutan Wan Mokhtar "enggan memberi laluan".

"Wan Mokhtar sudah pasti adalah satu faktor pada pilihan raya ini. PAS juga menjadikannya sebagai satu isu dan adalah sukar bagi sesiapa pun untuk mempertahankan kedudukannya atau memberi alasan mengenai tempohnya yang lama menyandang tugas itu," katanya.

Berikutan itu, Bernama menemubual Wan Mokhtar di pejabatnya di Kuala Terengganu sejurus sebelum pembubaran Parlimen pada 11 Nov. Beliau antara lain, ditanya sama ada beliau, pada pilihan raya ini, akan memberi laluan dan sama ada beliau berpendapat beliau "tidak boleh diganti".

Beliau kelihatan agak kecewa dengan pertanyaan itu, tetapi memberikan apa yang kelihatan seperti jawapan yang standard -- "Saya akan berada di sini selama mana yang kepimpinan parti (merujuk kepada Umno) mahu. Tidak, saya tidak penting."

Dan beliau ditanya adakah ini bermakna bahawa beliau menghalang peluang ahli-ahli politik lain Terengganu untuk meniti ke atas.

"Tidak, saya telah membimbing yang lain untuk mengambil alih dan terpulang kepada mereka untuk membuktikan diri mereka," katanya.

Menurut ahli politik itu, Wan Mokhtar, seorang graduan Pengajian Islam dari Universiti Al-Azhar, Mesir dilihat menggambarkan bahawa beliau "penting" dalam usaha menentang pengaruh kuat Parti Islam SeMalaysia (PAS) di negeri itu, yang diketuai timbalan presidennya Haji Abdul Hadi Awang.

Dalam kata lain, gambaran yang diberikan ialah tanpa kehadiran beliau, PAS dengan mudah menggoyah kubu kuat Umno di Terengganu pada pilihan raya, dan memberi anggapan bahawa parti itu sudah lama berazam untuk mengambil alih kuasa.

"Saya bimbang jika Wan Mokhtar enggan melepaskannya, rakyat Terengganu akan membuat keputusan untuknya pada pilihan raya ini," kata ahli politik itu, yang mendakwa bahawa semua kerusi negeri yang disandang BN di Terengganu tidak lagi selamat sebaliknya adalah kawasan "kelabu" dan malahan "hitam".

Apa yang amat dibimbangkan ahli politik ini sudah pun berlaku awal pagi ini apabila PAS, dalam cara yang mengejutkan, mengambil alih kuasa di

Terengganu, yang dipegang oleh BN menerusi Umno selama 35 tahun. Sebelum itu, PAS berkuasa selama satu penggal dari 1959.

Kemenangan PAS adalah sungguh besar sehingga melangkaui jangkaan. Ia menunjukkan peralihan sokongan beramai-ramai pengundi daripada BN kepada PAS.

Parti itu memenangi 28 daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding tujuh kerusi pada pilihan raya 1995. PAS juga tidak memberi peluang langsung kepada BN untuk memenangi kerusi Parlimen dari negeri ini apabila parti itu memenangi tujuh kerusi manakala satu lagi dimenangi oleh Parti Keadilan Nasional.

Sebelum ini, BN mempunyai tujuh kerusi Parlimen dan Abdul Hadi ialah satu-satunya anggota Parlimen PAS dari negeri itu.

Berdasarkan kepada rungutan dan "tentangan" secara senyap terhadap keengganan beliau memberi laluan, ramai yang mungkin tidak terkejut apabila Wan Mokhtar sendiri menyatakan rasa terkejut dan tidak percaya dengan kekalahan teruk BN dalam pilihan raya di negeri ini.

"Kita tidak tahu sebab kekalahan ini, tetapi saya menerimanya dengan penuh kesabaran kerana ia adalah pilihan rakyat," katanya kepada pemberita di Chukai, pagi ini, selepas mengetahui kekalahan itu.

" Saya tidak tahu faktor-faktor yang menyebabkan kekalahan ini kerana BN yakin dengan apa yang dilakukannya," katanya.

Kekalahan teruk Wan Mokhtar di kerusi DUN Chukai, yang dikuasainya selama satu generasi, dan dengan keruntuhan kerajaan negeri BN, mungkin merupakan satu "peringatan" kepada kepimpinan parti supaya "lebih sensitif kepada suara akar umbi" terutamanya apabila ia berkaitan dengan pemilihan calon pilihan raya.

Diakui bahawa rakyat Terengganu mungkin sudah pun membuat pilihan mereka dengan atau tanpa Wan Mokhtar mengetuai BN menghadapi pilihan raya itu, tetapi kenyataannya masih kekal beliau telah berkuasa terlalu lama dan rakyat mahukan perubahan, kata seorang ahli politik Terengganu.

" Ahli politik harus tahu bila dia patut berhenti. Janganlah wujudkan khayalan mengenai kehadiran mereka yang sangat penting dalam politik," katanya.

Kejatuhan Wan Mokhtar sudah pasti menandakan berakhirnya satu era.

-- BERNAMA

AU NAK RON